



**Ucapan Perasmian Yang Berhormat Datuk Seri Dr. S.Subramaniam
Menteri Sumber Manusia**

**SEMPENA PELANCARAN MINGGU KESELAMATAN DAN KESIHATAN
PEKERJAAN 2012 PERINGKAT KEBANGSAAN**

Tarikh : 9 Julai 2012
Masa : 4.00 petang
Tempat : Pusat Maritim, Putrajaya
Anjuran : Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan
Pekerjaan (Kementerian Sumber Manusia)

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

1. Terlebih dahulu, saya ingin meluahkan rasa gembira saya kerana pada hari ini saya dapat hadir bersama tuan-tuan dan puan-puan semua di Majlis **PELANCARAN MINGGU KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 2012 PERINGKAT KEBANGSAAN** pada petang ini.
2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur program ini kerana sudi menjemput saya untuk melancarkan Minggu KKP ini.
3. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Pengerusi dan semua Ahli Jawatankuasa Kerja yang terlibat di atas komitmen, semangat dan kesungguhan yang ditunjukkan bagi menjayakan penganjuran majlis ini. Tidak ketinggalan juga, penghargaan diberikan kepada pihak PERKESO, NIOSH dan JKKP di atas komitmen dan kerjasama yang diberikan dalam memastikan penganjuran majlis ini menjadi satu kejayaan.
4. Saya dimaklumkan bahawa pada tengahari tadi seramai lebih kurang 600 orang peserta berkayak dan berbasikal daripada pelbagai industri di seluruh Negara telah hadir serta 400 orang bagi mengikuti program yang telah disediakan oleh pihak penganjur sepanjang hari ini. Kepada semua peserta yang terlibat dalam program ini, tahniah dan terima kasih diucapkan di atas komitmen yang ditunjukkan dan ini jelas menunjukkan keutamaan yang diberikan oleh organisasi masing-masing dalam memastikan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan sentiasa menjadi perhatian utama.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

5. Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ataupun NCOSH merupakan badan di bawah Kementerian Sumber Manusia yang berperanan sebagai badan penggerak utama dalam menerajui Negara membentuk budaya kerja selamat dan sihat serta meningkatkan kualiti kehidupan rakyat Malaysia. Ini dilakukan melalui proses tripatisme di antara pihak Kerajaan, majikan dan pekerja. Bersama-sama dengan pihak JKKP, PERKESO dan NIOSH, Kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dan seterusnya menjadikan amalan kerja selamat dan sihat sebahagian daripada budaya rakyat Malaysia.
6. Program-program keselamatan dan kesihatan pekerjaan di peringkat kebangsaan merupakan antara aktiviti utama yang dijalankan bagi memupuk kesedaran dan mempengaruhi masyarakat. Di Malaysia, sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan Di Tempat Kerja dan sambutan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan adalah merupakan 2 acara tahunan utama yang disambut setiap tahun dalam mempromosikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Negara ini.
7. Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan adalah satu acara tahunan yang disambut pada minggu kedua bulan Julai setiap tahun susulan daripada kelulusan dan arahan Kabinet pada 24 Mei 2006. Pelbagai program dan aktiviti dirancang dan dijalankan bagi menjayakan sambutan minggu tersebut bertujuan bagi menghebahkan maklumat terkini berkaitan isu-isu keselamatan dan kesihatan serta mempromosi pembentukan dan pemeliharaan budaya kerja selamat dan sihat di kalangan majikan, pekerja dan orang awam.
8. Pada tahun ini “MAJIKAN & PEKERJA BERINOVATIF PENGGERAK TRANSFORMASI KKP” telah dipilih sebagai tema sambutan. Selari dengan perubahan dan perkembangan dalam aktiviti pekerjaan di Negara ini, adalah

diharapkan agar semua pihak yang terlibat dapat bekerjasama dan komited dalam menjadikan tempat kerja masing-masing kondusif, selamat dan sihat. Segala keperluan perundangan serta garis panduan telah tersedia untuk diadaptasi dan dipraktikkan dalam aktiviti setiap pekerjaan dan untuk ini adalah diharapkan agar para majikan dan pekerja khususnya dapat menjadikan hasrat Kerajaan dalam mewujudkan satu Budaya Kerja Selamat dan Sihat satu realiti.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

9. Kemalangan di tempat kerja akan memberikan implikasi dan imej yang buruk kepada organisasi yang terlibat khususnya dan Negara amnya. Kos yang perlu ditanggung sekiranya berlaku kemalangan sudah pastinya lebih tinggi nilainya berbanding kos yang perlu dikeluarkan untuk memastikan keselamatan di tempat kerja. Bukan sahaja kos rawatan, ganti rugi dan pampasan kepada keluarga mangsa perlu dibayar malah industri akan kehilangan tenaga pekerja terlatih, mengalami gangguan dalam pengeluaran, kerosakan jentera dan juga mungkin dikenakan tindakan saman sivil.
10. Walau bagaimanapun secara keseluruhan kadar kemalangan yang dilaporkan dari PERKESO pada tahun 2011 adalah sebanyak 59,897 berbanding tahun 2010 sebanyak 57,639 kemalangan kadar ini menunjukkan peningkatan sebanyak 3.92%. Walau bagaimanapun, jika dilihat secara holistik, kadar kemalangan Negara di tempat kerja pada tahun 2011 mencatatkan 3.4 per seribu pekerja jika dibandingkan lima tahun yang lalu 2007 ialah 4.52 per seribu pekerja. Hal ini dipandang serius oleh semua pihak. Jika dibandingkan pula laporan kemalangan yang diterima PERKESO bagi suku kedua tahun 2011 dengan suku kedua tahun 2012, dilihat terdapat peningkatan sebanyak 5.74% daripada 24,224 kes kepada 25,615 kes kemalangan masing-masing. Bagi suku kedua tahun 2012 ini, sebanyak 9,327 kes kemalangan di sektor pembuatan telah dilaporkan. Di sini

para semua pihak perlu memainkan peranan penting dalam sama-sama membantu kerajaan dalam mempromosikan ‘Membudayakan ke arah keselamatan dan kesihatan pekerjaan’.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

11. Oleh yang demikian, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) telah memainkan peranan dalam merangka strategi dan pendekatan komprehensif bagi mengatasi masalah ini. Dengan langkah proaktif yang diambil oleh JKPP dalam mewujudkan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2012 (OSH MP15) pada tahun 2009 yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Kerajaan pada hari ini telah meratifikasi satu konvensyen pada 7 Jun yang lalu, iaitu *Promotional Framework for Occupational Safety and Health Convention (No 187)* atau dengan mudahnya dipanggil C187. Ini menunjukkan komitmen kerajaan dalam menitikberatkan keselamatan dan kesihatan pekerja di tempat kerja.

12. Tujuan ratifikasi konvensyen ini adalah sebagai penanda aras tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di Malaysia. Dengan ini Malaysia dapat meyakinkan Negara luar untuk menggunakan perkhidmatan KKP dari Malaysia serta membuktikan persekitaran pekerjaan dan perburuhan di Malaysia senantiasa mendapat perhatian yang sewajarnya dari pihak Kerajaan, majikan dan pekerja. Disamping itu, dengan komitmen negara dalam memastikan pengurangan kadar kemalangan Negara, sekaligus meningkatkan imej Malaysia di peringkat antarabangsa seterusnya meningkatkan perdagangan antarabangsa dengan membantu pelabur dan pengeksport dalam meyakini keprihatinan kerajaan terhadap perburuhan Negara yang mengamalkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Untuk makluman para hadirin sekalian, Malaysia merupakan Negara

ke-3 dalam Asia yang telah meratifikasi C187 disamping Korea dan Jepun dan kebanyakan adalah dari Eropah.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

13. Konsep “Satu Malaysia” menekankan kepada semangat muafakat di antara Kerajaan dan rakyat. Begitu juga dengan hal berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja ini, semua majikan dan pekerja perlulah bersatu dan bekerjasama untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Negara kita. Para majikan di Negara ini perlulah menangani dan mengurus hal-hal berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan ini dengan baik. Untuk itu, sikap kemanusiaan perlulah juga diberikan pertimbangan wajar dalam menjalankan urusan perniagaan masing-masing selain kos yang perlu ditanggung akibat daripada kejadian kemalangan. Setiap majikan dan pekerja di Negara ini perlu menanam semangat membudayakan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja agar usaha dalam memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja dapat dijaga disamping menambah keuntungan dan meningkatkan prestasi dan produktiviti syarikat.

14. Sebelum saya mengundurkan diri, saya mengucapkan tahniah sekali lagi kepada Jawatankuasa penganjur di atas usaha dan inisiatif yang ditunjukkan dalam menganjurkan **Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan** bagi memberi manfaat dan kebaikan kepada semua peserta yang hadir pada hari ini. Diharapkan penganjuran seminar seumpama ini akan memberi inspirasi kepada semua yang terlibat untuk terus memelihara persekitaran kerja yang lebih kondusif agar dapat menyakinkan para pekerja.

Dengan kata-kata tersebut, saya dengan ini merasmikan **MINGGU KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 2010 PERINGKAT KEBANGSAAN** pada hari ini.

Sekian, terima kasih.